

Shell Malaysia Trading Sendirian Berhad

Ini merupakan Tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad Shell berhubung Skim Kad Diesel Shell

Bersubsidi Kerajaan yang dibuat oleh Shell menurut fasal 1.3. Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad Shell.

1. Pemegang Kad Utama bersetuju dan mengaku bahawa terma dan syarat berikut boleh mengubah, menggantikan dan mengatasi terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad Shell:

(a) Fasal 1.1:

"Skim" Skim Kad Diesel Shell Bersubsidi Kerajaan yang berkuat kuasa ketika ini, yang dikendalikan oleh Shell menerusi perkiraan dengan kerajaan Malaysia dan Shell yang mana Penjual bersetuju dan berjanji dengan Shell bahawa tertakluk senantiasa pada Perjanjian Pemegang Kad dan Perjanjian Penjual, Pemegang Kad untuk Kad yang dikeluarkan oleh Shell boleh mendapatkan Bekalan daripada Penjual untuk kegunaannya sendiri sahaja. Skim tersebut meliputi penggunaan Terminal Tangkapan Draf Elektronik (EDC) dan/atau Pembaca Kad Luar (OCR) dan/atau Konsol POS dan juga bentuk-bentuk lain urus niaga elektronik yang mungkin dilaksanakan oleh Shell dari semasa ke semasa.

"Kad" Kad Diesel Shell Bersubsidi Kerajaan yang sah ketika ini, dikeluarkan oleh Shell kepada Pemegang Kad menurut syarat-syarat ini.

"Bekalan" Kuota diesel bersubsidi Pemegang Kad yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia menerusi surat kelayakan subsidi seperti yang dipinda dari semasa ke semasa untuk kenderaan Pemegang Kad.

"Penekap" Dipotong

"Resit Penekap" Dipotong

"Perjanjian" Syarat-syarat ini dan Borang Permohonan Kad Shell yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pemegang Kad Utama.

(b) Fasal 1.4:

Setelah permohonan dibuat oleh Pemegang Kad Utama kepada Shell melalui Borang Permohonan Kad Shell dan tertakluk pada penerimaan permohonan tersebut oleh Shell, Shell akan mengeluarkan kepada Pemegang Kad Utama jumlah kad yang dimohon, setiap Kad dicetak timbul dengan nama Pemegang Kad Utama, nombor subsidi Kerajaan, nombor pendaftaran kenderaan, tarikh tamat tempoh dan huruf-huruf "0" atau "2" seperti yang dimaklumkan kepada Shell oleh Pemegang Kad Utama yang dibuat menurut syarat-syarat ini.

(c) Fasal 1.5(i):

Sekiranya Kad dicetak timbul dengan huruf-huruf "0" atau "2", Kad sedemikian hanya boleh digunakan untuk pembelian Bekalan yang dihadkan dengan cara berikut:

"0" : sah untuk diesel bersubsidi sahaja
"2" : sah untuk diesel bersubsidi dan pelincir sahaja.

(d) Fasal 1.6 (i):

Setiap Kad yang dikeluarkan oleh Shell kepada Pemegang Kad adalah semata-mata untuk kegunaan Pemegang Kad semasa Tempoh Sah Kad tersebut bagi membolehkan Pemegang Kad membeli Bekalan daripada Penjual menggunakan Kenderaan tersebut sahaja. Setiap Kad tidak boleh dipindah milik dan boleh digunakan oleh Pemegang Kad untuk tujuan Skim ini sahaja.

(e) Fasal 3.3:

Untuk setiap urus niaga Kad yang diproses sama ada menggunakan EDC dan Pencetak atau OCR atau Konsol POS dengan atau tanpa penggunaan PIN Pemegang Kad tetapi menggunakan Kad Pemegang Kad yang berkenaan dan menggunakan butiran Pemegang Kad Utama akan menjadikannya waranti oleh Pemegang Kad Utama bahawa:

(i) Semua penyata, amaun dan maklumat lain yang terkandung dalam Resit EDC/Resit OCR/Resit POS sebagai benar dan betul dalam semua keadaan dan menggambarkan terma penuh urus niaga bona fide ("Urus Niaga Bekalan") antara Penjual berkaitan dan Pemegang Kad dan tiada kolateral, lisan atau kontrak lain atau representasi yang wujud yang menjejaskan Urus Niaga Bekalan tersebut atau Bekalan tersebut;

- (ii) Urus Niaga Bekalan tidak dipinda atau ditambah dengan apa-apa cara sekalipun sejak Resit EDC/Resit POS disempurnakan atau sejak Resit OCR dijana;
- (iii) Pemegang Kad Utama tidak mempunyai hak tuntutan balas bela diri untuk tolak selesai atau mempertikai yang melayakkannya menolak atau menahan amaun penuh atau mana-mana bahagian daripadanya yang tertera pada Resit EDC / Resit OCR atau Resit POS;
- (iv) Urus Niaga Bekalan mematuhi, dalam semua keadaan, kekangan dan keperluan mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai; dan
- (v) Urus Niaga Bekalan tidak diumpukkan, dicagarkan atau diuruskan dalam apa-apa cara untuk kemudahan mana-mana orang.

(f) Fasal 3.4:

(i) Tanpa syarat, Pemegang Kad Utama bersetuju dan berjanji kepada Shell untuk membayar Bekalan yang dibeli oleh Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad yang berkenaan seperti yang dibuktikan oleh data yang diterima oleh Shell selepas pelaksanaan Fungsi Penyelesaian oleh Penjual, tertakluk pada penyesuaian oleh Shell untuk menunjukkan subsidi yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada Pemegang Kad. Apabila belian melebihi kuota Pemegang Kad Utama, lebihan sedemikian akan dicaj pada harga tanpa subsidi.

(ii) Penerimaan data yang dihantar menerusi pelaksanaan Fungsi Penyelesaian oleh Penjual akan memberi kuasa kepada Shell untuk mendebitkan Akaun Pemegang Kad Utama dengan harga Bekalan seperti yang disampaikan melalui pelaksanaan Fungsi Penyelesaian bersama apa-apa cukai belian, duti kastam, eksais, subsidi kerajaan dan duti-duti lain yang dikenakan sebelum atau selepas tarikh belian.

(g) Fasal 3.7:

(i) Dengan ini dipersetujui bahawa Penyata sedemikian dianggap telah diterima dalam tempoh tujuh (7) hari untuk Pemegang Kad Utama di Malaysia Barat atau dalam tempoh sepuluh (10) hari untuk Pemegang Kad Utama di Malaysia Timur dari tarikh Penyata diposkan. Semua entri dalam Penyata akan memasukkan amaun yang didebitkan atau dikreditkan kepada akaun Pemegang Kad Utama, terutamanya, subsidi kerajaan yang diberikan kepada Pemegang Kad Utama. Selepas penerimaan Penyata, Pemegang Kad Utama dianggap telah memeriksa entri dalam Penyata tersebut. Pemegang Kad Utama dengan ini berjanji secara nyata kepada Shell bahawa menjadi tanggungjawab Pemegang Kad Utama untuk melaporkan kepada Shell secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Pemegang Kad Utama menerima atau dianggap telah menerima Penyata tentang apa-apa kesilapan percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa-apa juga bentuk pada Penyata tersebut.

(ii) **Ambil perhatian bahawa jika Pemegang Kad Utama atas apa-apa sebab sekalipun tidak memaklumkan Shell secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari tersebut berkenaan apa-apa kesilapan percanggahan atau ketidaktepatan pada mana-mana entri di dalamnya, maka Pemegang Kad Utama akan dianggap telah menerima entri yang terkandung di dalamnya yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam Penyata sebagai betul dan muktamad dan menjadi bukti kukuh berkenaan fakta yang terkandung di dalamnya dan Penyata tersebut akan dianggap sebagai muktamad terhadap Pemegang Kad Utama dan mengikat Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Utama hendaklah sesudah itu terhalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap Shell dengan mendakwa Penyata tersebut mengandungi kesilapan percanggahan atau ketidaktepatan.**

(h) Fasal 10.1:

Walau apa pun perkara yang bertentangan dengan apa yang terkandung di dalam ini, Shell tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa ketakdayaan pada pihaknya untuk melaksanakan tanggungjawabnya bawah Perjanjian ini jika ketakdayaan tersebut disebabkan oleh apa-apa arahan oleh Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau mana-mana undang-undang atau peraturan bertulis yang dibuat di bawah ini, kegagalan mana-mana Mesin, sistem pemprosesan data, atau hubungan transmisi atau apa-apa pertikaian industri atau apa-apa sebab yang di luar kawalan Shell, agen atau sub kontraktornya.

2. Pemegang Kad Utama selanjutnya bersetuju dan mengaku bahawa selain daripada terma berubah dan apa-apa pindaan penting yang sesuai untuk menjadikan Perjanjian Pemegang Kad Shell konsisten dengan Tambahan ini, kesemua terma, waad, syarat dan proviso yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad Shell akan terus berkuatkuasa sepenuhnya seolah-olah perubahan di dalam ini adalah sebahagian daripada perjanjian asal.

